

26 FEB 1996

Badminton - Piala Thomas

SEMANGAT PEMAIN PROFESIONAL TIDAK HARUS DIPERSOAL LAGI

KUALA LUMPUR, 26 Feb (Bernama) -- Iltizam dan semangat perjuangan pemain profesional tidak harus dipersoal lagi berikutan kejayaan Malaysia menundukkan China dan Korea Selatan pada pusingan kelayakan Piala Thomas di New Zealand minggu lepas.

Pengarah Urusan Nusa Mahsuri, Jalani Sidek hari ini berkata negara menaruh harapan agar iltizam dan semangat itu ditunjukkan oleh keempat-empat pemain Nusa Mahsuri pada pusingan akhir di Hong Kong pada Mei.

"Banyak laporan negatif mengenai iltizam dan semangat berpasukan pemain-pemain Nusa. Pencapaian di New Zealand diharap akan melenyapkan semua kritikan negatif ini," kata jalani. Empat pemain Nusa Mahsuri membentuk senarai pemain perseorangan Malaysia di Auckland.

Katanya, para pemain telah menunaikan janji kepada negara dan tidak mengharapkan apa-apa ganjaran di samping mengikut nasihat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini.

"Beliau berkata apabila memukul bulu tangkis, pemain tidak harus fikir tentang habuan. Para pemain mengikut nasihat itu...jadi apabila memukul bulu tangkis, mereka melihat bendera Malaysia," kata beliau.

Malaysia menewaskan China 3-2 dan menundukkan Korea Selatan 4-1 di Auckland.

Jalani berkata beliau tidak terkejut dengan keputusan itu kerana para pemain telah bekerja keras dan melakukan pengorbanan.

"Saya benar-benar yakin mereka akan menunjukkan pencapaian yang baik. Pemain cuma sempat berlatih selama sebulan. Misbun (Sidek) telah banyak membantu dengan membuat persediaan bagi pemain," katanya.

Jalani berkata kejayaan itu tidak membuatkan mereka leka tetapi sebaliknya akan memulakan latihan penuh pada Jumaat, dua hari selepas kembali dari Auckland.

Katanya, matlamat sekarang bukan setakat Piala Thomas tetapi Sukan Olimpik di Atlanta pada Julai dan persiapan pemain akan tertumpu kepada kedua-dua acara berkenaan.

Beliau juga berkata Pang Chen, yang bertarung dalam acara perseorangan ketiga dan pemain simpanan Yong Hock Kin akan menyertai Terbuka Sweden dari 6 hingga 10 Mac.

Rashid Sidek dan Ong Ewe Hock pula akan menyertai Kejohanan Seluruh England dari 13 hingga 17 Mac, kata Jalani.

Mengenai program latihan bagi pusingan akhir, beliau berkata mereka akan meneruskan program sekarang sehingga Persatuan Badminton Malaysia (BAM) mengumumkan skuad negara ke Hong Kong. -- BERNAMA.

AR FAZ